

Dulu jururawat, kini bomba

Aksinya pernah jadi tular ketika memadamkan kebakaran di Pasar Besar Seremban

SYAMILAH ZULKIFLI

AKSINYA yang terlibat dalam operasi memadam kebakaran di Pasar Besar Seremban, September lalu pernah menjadi tular di laman sosial.

Disebabkan itu, Nor Maisarah Ibrahim, 27, yang bertugas sebagai anggota bomba di Balai Bomba Seremban menerima permintaan ratusan individu tidak dikenali yang ingin menjadi rakaninya di Facebook.

Mana tidaknya, bertubuh kecil dan berwajah ayu sesiapa pun pasti tertarik melihat anak kelahiran Kubang Kerian, Kelantan ini menunjukkan 'aurnya' sebagai salah seorang anggota penyelamat.

Bagaimanapun, tiada siapa sangka rupa-rupanya sebelum berkhidmat sebagai anggota bomba, Nor Maisarah pernah bertugas sebagai jururawat selama tiga tahun sebaik sahaja menamatkan pengajian dalam bidang kejururawatan di Kolej Master Skill, Kuala Lumpur.

"Pada waktu itu juga, saya ada buat permohonan kerja di laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan

Bagi saya ia satu amanah dan menjadi tanggungjawab saya sebagai salah seorang dalam pasukan untuk pastikan semuanya berjalan lancar." - Nor Maisarah



Berbangga sebagai anggota bomba.



Gambar Nor Maisarah yang menjadi tular ketika operasi memadam kebakaran di Pasar Besar Seremban.

INFO • Nor Maisarah menjalani latihan selama empat bulan di Terengganu sebelum melaporkan diri di Seremban, Mei lalu



Awam (SPA) di mana pilihan pertama saya adalah dalam bidang kejururawatan.

"Tapi, saya tak sangka pilihan terakhir saya iaitu bomba yang diterima. Kerana minat pekerjaan yang mencabar, saya tidak melepaskan peluang itu meskipun terpaksa meninggalkan kerjaya sebagai jururawat," katanya.

Tanggal 1 November 2016 merupakan permulaan baharu bagi Nor Maisarah apabila dia perlu menjalani latihan selama empat bulan di Wakaf, Tapai, Terengganu sebelum melaporkan diri di Seremban pada Mei lalu.

Dia mengaku semangat kentalnya sedikit goyah sepanjang latihan terbabit yang disifatkan



Kenangan ketika berkhidmat sebagai jururawat.

agak berat bagi wanita.

"Saya perlu angkat mangsa seorang diri turun dari tingkat dua. Bayangkan dengan keadaan fizikal saya, perlu pula angkat orang.

"Pada waktu itu saya dah hampir putus asa, kerana baru nampak yang kerjaya sebagai bomba ini sangat mencabar dan memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang tinggi.

"Mujur lah pada waktu itu rakan-rakan lain bagi semangat dan akhirnya saya dengan rasa penuh bangga dapat memakai pakaian seragam anggota bomba," katanya.

Peranan hampir sama

Bercerita lanjut mengenai perbezaan kerjaya dahulu dengan sekarang, anak kedua dari tiga beradik ini berkata, peranannya hampir sama iaitu menyelamat, tapi bidang tugasnya berbeza.

Jika di hospital, Nor Maisarah bertugas di bahagian jantung dan merawat pesakit. Tetapi di jabatan

bomba, dia perlu turun ke lokasi bagi memadam kebakaran dan menyelamatkan mangsa yang terlibat.

"Dua-dua selamatkan orang, tapi tugas bomba ini lebih mencabar. Bila dalam operasi secara automatik saya tak fikir lagi tentang diri sendiri, tapi tentang tugas atau orang yang perlu diselamatkan.

"Bagi saya ia satu amanah dan menjadi tanggungjawab saya sebagai salah seorang dalam pasukan untuk pastikan semuanya berjalan lancar.

"Menariknya kerjaya bomba, sebab macam-macam ada. Ada bahagian forensik, payung terjun, perubatan dan lain-lain. Malah saya juga boleh ambil kursus ular," katanya.

Ketika ditanya pemberita mengenai pandangannya terhadap kerjaya bomba, Nor Maisarah berkata, anggota bomba boleh disifatkan sebagai hero kepada orang ramai.

Kerjaya berkenaan mungkin kurang dipandang, tetapi baktinya begitu besar dan bukan calang-calang orang yang bersedia berkhidmat dalam pasukan itu.

"Saya berbangga sebagai anggota bomba wanita. Mungkin ada yang fikir disebabkan saya wanita, mungkin dapat layanan istimewa. Tapi sebenarnya tak," katanya.



Tidak kekok walaupun majoriti rakan setugasnya adalah lelaki.